

# TEORI DAN REALITI PERUBAHAN BAHASA: DARIPADA BAHASA IBUNDA KEPADA BAHASA MELAYU

*Noor Aina Dani dan Mhd. Amin Arshad*

## Abstrak

Kertas kerja ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama meneliti gagasan beberapa teori perubahan bahasa, iaitu teori penyimpangan rawak (Hockett, 1958), teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968), dan teori stratum bawah (Aitchison, 1998). Gagasan bagi setiap teori diperinci dan dijadikan inti sari item soal selidik untuk dijawab oleh 50 responden yang terdiri daripada suku kaum Dusun di kampung Lohan, Ranau, Sabah. Respons daripada soal selidik ke atas 50 responden menunjukkan bahawa hanya satu gagasan teori penyimpangan rawak (Hockett, 1958) dan satu gagasan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968) sesuai dengan konteks situasi serta iklim perubahan bahasa yang melanda generasi muda suku kaum Dusun di kampung Lohan, Ranau, Sabah. Semua gagasan teori stratum bawah (Aitchison, 1998) dipersetujui oleh 50 responden.

Bahagian kedua kertas kerja ini memberi penjelasan sebab-musabab berlakunya perubahan bahasa daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu di kampung Lohan, Ranau, Sabah. Bahasa pertuturan harian penduduk di kampung tersebut pada masa yang lalu sehinggalah pada sekitar tahun 1980-an ialah bahasa Dusun. Akan tetapi, menjelang tahun 1990-an, penggunaan bahasa ibunda suku kaum Dusun ini semakin berkurangan. Pada masa ini, bahasa Melayu telah mengambil alih peranan bahasa Dusun sebagai bahasa pertuturan harian. Bahkan, ada dalam kalangan generasi muda di kampung tersebut yang sudah tidak memahami bahasa Dusun. Penyelidik melihat hal ini sebagai satu perubahan yang drastik, yang memerlukan kajian. Untuk mendapatkan penjelasan sebab-musabab, penyelidik mengkaji tiga generasi kaum Dusun di tempat kajian. Generasi pertama tidak dapat dikaji kerana sudah pupus.

### **Abstract**

*This paper is divided into two parts. Part one scrutinised the hypothesis of several language change theories such as random deviation (Hockett, 1958), fashion and random fluctuation (Postal, 1968), and substratum (Aitchison, 1998). Analytically, the hypothesis for each theory become the essence of each item for a questionnaire to be answered by 50 respondents from the Dusun tribe in Lohan village, Ranau, Sabah. Response from the respondents showed that only one hypothesis from random deviation (Hockett, 1958) and one from fashion and random fluctuation (Postal, 1968) addressed the situational context of language change amongst the younger generation. All hypothesis from substratum theory (Aitchison, 1998) have been accepted by all the 50 respondents.*

*Part two give clear evidence of language change from mother tongue to bahasa Melayu in Lohan village, Ranau, Sabah. During the past, the Dusun language has been the language used orally by the Dusunic people until 1980's. However, the year 1990's showed the decline of usage in the same language as a mother tongue. At the same time, bahasa Melayu has over powered the role of Dusun language as an everyday language. Some of the young generation understood the language no more. The researcher view this matter as a drastic change and needed to be study. To clarify the reasons that lead to language change, the researcher study three generation of the Dusun tribe in the area. Study on the first generation cannot be conducted due to extinction.*

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang Kajian**

#### **Masyarakat Dusun di Sabah**

Masyarakat Dusun membentuk satu per tiga daripada jumlah penduduk negeri Sabah. Mereka tinggal di bahagian pantai barat Sabah (Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Tamparuli, Tuaran, Ranau, dan Papar), di bahagian pedalaman (Kuala Penyu, Tambunan, dan Keningau), dan di bahagian pantai timur (Sandakan dan Lahad Datu). Kaum Dusun terbahagi kepada 12 suku, iaitu Dusun Ranau, Dusun Putatan, Dusun Penampang, Dusun Papar, Dusun Lotud, Dusun Kiau, Dusun Rungus, Dusun Tagas, Dusun Tempasuk, Dusun Tambunan, Dusun Tatana, dan Dusun Tungku atau Begahak. Setiap nama suku kaum Dusun dihubungkan dengan amalan lama masyarakat Dusun

yang mempercayai kewujudan keramat dan berkat di sesuatu tempat, pada batu, pokok, sungai, lembah, dan pahlawan Dusun (Japiun Madisah, 1986). Suku kaum Dusun menggunakan dialek yang berlainan mengikut kawasan, namun kelainan tidak menjadi masalah untuk komunikasi antara suku. Mereka ada unsur saling menterjemah dan ciri bahasa yang dikongsi berdasarkan warisan bersama (Clayre, 1965–1966).

Menurut Bali (1966), nama “Dusun” digunakan oleh kesultanan Brunei yang pernah memerintah sebahagian daripada kawasan di negeri Sabah sebelum kedatangan penjajah Barat. Nama “Dusun” digunakan untuk merujuk kelompok etnik yang suka hidup bersuku-suku. Setiap suku tersebut ditandai oleh perilaku sosiobudaya yang tersendiri. Berdasarkan maklumat ini, nama “Dusun” yang digunakan oleh orang Brunei itu tiada kaitan makna dengan “kebun buah-buahan” (Ahmad Ongohan, 1977).

### **Penggunaan Bahasa dalam Masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah**

Daerah Ranau terletak di bahagian pantai barat negeri Sabah. Daerah Ranau mempunyai 109 buah kampung, dengan keluasannya kira-kira 2978 kilometer persegi. Pada tahun 1988, jumlah penduduk di daerah Ranau adalah sebanyak 42 693 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1989). Daerah Ranau terkenal sebagai kawasan pertanian sayur-sayuran tanah tinggi, halia, koko, tembakau, dan getah. Tanaman sara diri ialah padi sawah, padi huma, dan buah-buahan. Sebilangan kecil daripada penduduknya bergiat dalam aktiviti pembalakan. Ada juga yang bekerja dengan kerajaan atau swasta. Komposisi penduduk suku kaum Dusun di daerah Ranau adalah sebanyak 80 peratus. Selebihnya ialah penduduk Cina (10%), Sino-Dusun (3%), dan lain-lain (7%). Perangkaan ini menunjukkan bahawa suku kaum Dusun ialah penduduk majoriti di daerah Ranau.

Secara umum, generasi tua suku kaum Dusun di daerah Ranau mendapat pendedahan bahasa Melayu pada peringkat usia yang lewat. Interaksi yang memerlukan generasi tua menggunakan bahasa Melayu terhadap kepada situasi jual beli dan upacara keramaian, misalnya di *Tamu* (pasar lambak) atau pada hari perayaan *Tadau Kaamatan* (Hari Menuai). Interaksi dalam situasi sedemikian lazimnya melibatkan orang luar yang bertutur dalam bahasa Melayu.

Generasi muda suku kaum Dusun terdedah kepada sistem pendidikan formal dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah. Oleh itu, bahasa Melayu digunakan dengan meluas dalam kalangan generasi tersebut. Banyak kata Melayu yang berkaitan dengan unsur alam, agama,

peralatan, makanan, dan unsur sosial telah diasimilasikan ke dalam kosa kata bahasa Dusun. Kata Melayu disesuaikan dengan sistem bunyi bahasa Dusun sehinggakan bunyi baru yang terhasil kerap menyimpang daripada bunyi yang asal. Variasi bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Dusun di daerah Ranau dipengaruhi oleh dialek kawasan, yakni bahasa Melayu dialek Sabah.

### **Penggunaan Bahasa Mengikut Generasi di Lokasi Kajian**

Lokasi kajian ialah kampung Lohan. Kampung Lohan terletak kira-kira 12 kilometer dari pekan Ranau melalui jalan Air Panas Poring. Kedudukan kampung ini terletak di tengah-tengah, diantara pekan Ranau dengan Poring. Penduduk kampung Lohan terdiri daripada suku kaum Dusun, yang pada asalnya ialah petani. Kampung Lohan dibuka pada tahun 1963 untuk skim penanaman padi yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Sabah. Berdasarkan sejarah pembukaannya, penduduknya berasal dari kampung-kampung lain di sekitar Ranau, iaitu kampung Ratau, Torolobou, Karanaan, Bundu Tuhan, Sosondoton, Togudan, Rondogung, Kundasang, dan Rugading. Kini hampir separuh daripada penduduk kampung Lohan bekerja sebagai guru, kerani, peniaga, dan pegawai kerajaan. Penduduk kampung itu beralih daripada kegiatan pertanian kepada kegiatan lain kerana pada masa ini tanah pertanian sudah tercemar oleh bahan toksik dari lombong tembaga berhampiran yang diusahakan oleh orang Jepun. Generasi muda kampung itu pula berpeluang menjawat jawatan kerajaan atau swasta hasil daripada pendidikan formal yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Sabah.

Generasi pertama masyarakat Dusun di kampung Lohan sudah tiada. Tiga generasi yang dikaji ialah generasi kedua, generasi ketiga, dan generasi keempat.

Generasi kedua kumpulan 1 masih menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya untuk berkomunikasi di rumah dan di luar rumah. Mereka tidak berpeluang mendapat pendidikan formal, dan berumur 70 tahun ke atas. Mereka faham dan boleh bertutur sedikit bahasa Melayu. Kumpulan ini ditemu bual dengan menggunakan soal selidik yang berlainan daripada kumpulan lain. Penyelidik terpaksa menggunakan bahasa Dusun untuk memperoleh maklum balas yang tepat. Hal ini berlaku kerana kebanyakan responden tidak lancar bertutur dalam bahasa Melayu.

Generasi kedua kumpulan 1 mendapat pendedahan bahasa Melayu pada peringkat usia yang lewat. Interaksi yang membolehkan mereka menggunakan bahasa Melayu terhad kepada situasi jual beli dan upacara keramaian. Sebagai

contoh, jual beli di *Tamu* (pasar lambak) atau pada hari perayaan *Tadau Kaamatan* (Hari Menuai). Interaksi sedemikian rupa lazimnya melibatkan orang kedua atau orang luar yang bertutur dalam bahasa Melayu.

Generasi kedua kumpulan 2 berumur antara 60 hingga 69 tahun, menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama tetapi boleh bertutur bahasa Melayu. Mereka pernah melalui alam persekolahan. Ciri inilah yang membezakan generasi kedua kumpulan 2 daripada generasi kedua kumpulan 1.

Generasi ketiga kumpulan 1 berumur antara 30 hingga 59 tahun. Latar belakang bahasanya sama dengan generasi kedua kumpulan 2, iaitu mendapat pendidikan formal di sekolah. Mereka menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Melayu tetapi masih menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama di rumah, termasuk untuk berkomunikasi dengan isteri dan anak-anak.

Generasi ketiga kumpulan 2 berumur antara 30 hingga 59 tahun, bertutur bahasa ibunda, mendapat pendidikan formal tetapi menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan anak dan cucu (jika ada). Hanya 20 peratus responden yang menggunakan bahasa ibunda dalam perbualan harian walaupun kumpulan ini masih fasih bertutur bahasa ibunda. Mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu dan campuran bahasa Melayu-bahasa ibunda.

Generasi keempat berumur 29 tahun ke bawah. Kumpulan ini mendapat pendidikan formal dan menggunakan bahasa Melayu dalam semua situasi. Mereka memahami bahasa ibunda tetapi tidak fasih berbahasa ibunda. Ada juga antaranya yang sudah tidak tahu bertutur dalam bahasa ibundanya.

## **Pernyataan Masalah**

Buah fikiran yang dijadikan saranan atau idea dalam teori bahasa memberikan gambaran secara sistematik tentang suatu fenomena dengan memperincikan hubungan antara pemboleh ubah. Dalam kajian ini, penyelidik cuba meneliti kesesuaian gagasan beberapa teori perubahan bahasa dengan perubahan bahasa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Dusun. Dua daripada teori tersebut ialah teori lama manakala satu lagi merupakan teori baru. Ada pendapat mengatakan bahawa buah fikiran yang dijadikan saranan dalam sesuatu teori yang lama sudah tidak boleh digunakan pada masa ini kerana ketinggalan zaman. Namun, pendapat tersebut belum pernah disusuli dengan tindakan pembuktian teori berdasarkan kajian yang sistematik.

Kebanyakan penulis membuat catatan dalam tulisan mereka bahawa satu per tiga daripada penduduk negeri Sabah terdiri daripada suku kaum

Dusun. Mereka menulis tentang budaya dan aspek bahasa Dusun. Kajian yang paling diminati ialah cara hidup, puisi warisan nenek moyang, termasuk mantera, dan sistem bunyi, morfologi, sintaksis, serta pengaruh bahasa ibunda dalam bahasa Melayu. Sebelum tahun 2000, topik-topik sedemikianlah yang menjadi tumpuan kajian para penyelidik daripada pelbagai golongan, termasuk pelajar universiti. Bahkan, sudah empat tahun kemunculan alaf baru, topik kajian masih lagi di takuk lama, ibarat air yang bertakung di dalam kolam. Penyelidik berpendapat bahawa bukan tiada kesedaran dalam kalangan pengkaji untuk meneroka sesuatu topik yang baru. Kesedaran itu sudah ada, cuma pengkaji dihambat oleh kekurangan bahan rujukan dan maklumat yang berkaitan. Seperkara lagi, penyelidik agak sangsi sama ada jumlah suku kaum Dusun yang terdiri daripada satu per tiga penduduk negeri Sabah masih boleh berbahasa Dusun. Dengan adanya tekanan daripada bahasa yang mempunyai nilai tambah, tidak mustahil ada yang sudah tidak menggunakan bahasa ibundanya sebagai bahasa harian.

Bahasa ibunda semakin terpinggir terutama dalam kalangan generasi muda. Fenomena ini berlaku di beberapa kawasan di Sabah. Kampung Lohan, Ranau merupakan salah satu contoh kawasan tersebut. Fenomena ini mula dikesan pada sekitar tahun 1990-an. Boleh dikatakan sebahagian besar generasi muda yang berumur 29 tahun ke bawah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertamanya. Keadaan masa ini memperlihatkan bahawa bahasa ibunda semakin dipinggirkan oleh generasi muda. Ramai generasi muda yang tidak fasih berbahasa Dusun. Ada juga yang sudah tidak tahu bertutur bahasa ibundanya, meskipun mereka masih faham akan bahasa tersebut.

### **Kepentingan Kajian**

Teori memberikan pengertian cara mana suatu fenomena itu berlaku. Sehubungan dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa pembuktian teori melalui kajian yang sistematik adalah penting sebelum suatu fenomena diperincikan dengan lebih mendalam. Selain itu, penyelidik dapat mengenal pasti sama ada buah fikiran yang dijadikan saranan dalam sesuatu teori lama masih sesuai dengan keperluan semasa atau tidak. Teori penyimpangan rawak (Hockett, 1958) dan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968) misalnya, merupakan dua teori lama, tetapi gagasan tentang penyimpangan rawak serta penggunaan bahasa mengikut gaya hidup ada kebenarannya. Teori stratum bawah (Aitchison, 1998) agak baru, tetapi bukan semua gagasan yang terkandung di dalam teori tersebut sesuai dengan

perubahan bahasa yang melanda masyarakat suku kaum Dusun di Sabah. Kesahan gagasan teori perlu diperoleh supaya hala tuju penyelidikan ini lebih meyakinkan.

Lestari bahasa sangat penting demi mempertahankan keaslian sesuatu bahasa. Sehubungan dengan itu, penyelidik berasa adalah perlu untuk mengenal pasti tingkat tekanan bahasa Melayu ke atas bahasa Dusun pada masa ini supaya kita boleh merancang lestari bahasa yang bersesuaian dengan kehendak semasa. Semakin tinggi tekanan yang dialami oleh bahasa Dusun, semakin sukar langkah untuk menyuburkan semula penggunaan bahasa tersebut dalam masyarakat. Sebagai memenuhi kehendak pengguna bahasa, kita mesti tahu bagaimana dan di mana kita perlu bermula, bukan hanya membuat andaian, kemudian menjalankan dasar penyuburan semula bahasa Dusun berdasarkan andaian yang rapuh. Di sinilah pentingnya dapatan kajian daripada penyelidikan yang sistematik.

Pada mulanya, bahasa Dusun merupakan bahasa peribumi yang mempunyai jumlah penutur yang paling ramai di Sabah. Akan tetapi, bahasa ini semakin terpinggir akibat penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah dan bahasa kebangsaan negara Malaysia. Di samping itu, penyelidik dapat membina carta aliran perubahan bahasa mengikut generasi masyarakat Dusun. Penelitian ke atas evolusi bahasa dalam kalangan empat generasi suku kaum Dusun dapat mendalamkan pemahaman penyelidik tentang sebab-musabab orang Dusun lebih berminat menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi berbanding dengan bahasa ibundanya serta perkara yang menyebabkan mereka mengetepikan bahasa ibunda sebagai bahasa harian.

### **Objektif Kajian**

Penyelidikan ini dijalankan berasaskan objektif kajian yang berikut:

1. Untuk meneliti kesesuaian gagasan teori perubahan bahasa dengan realiti perubahan bahasa yang berlaku dalam masyarakat Dusun;
2. Untuk mengenal pasti tingkat tekanan bahasa Melayu ke atas bahasa Dusun pada masa ini;
3. Untuk membina carta aliran perubahan bahasa mengikut generasi masyarakat Dusun;
4. Untuk meneliti evolusi bahasa dalam kalangan empat generasi suku kaum Dusun; dan
5. Untuk mengenal pasti sebab-musabab penutur bahasa Dusun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama.

## **Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam dua peringkat. Kajian tentang teori-teori bahasa dijalankan ke atas 50 responden pada bulan Januari 2003. Kajian tentang sebab-musabab perubahan bahasa dilaksanakan ke atas 50 responden yang lain pada bulan Mac dan April 2004. Kedua-dua kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik dan temu bual berstruktur. Lokasi kajian ialah kampung Lohan, Ranau, Sabah. Responden kajian terdiri daripada generasi kedua, generasi ketiga, dan generasi keempat suku kaum Dusun yang tinggal di kampung tersebut. Kampung Lohan telah dibuka oleh generasi pertama suku kaum Dusun pada tahun 1963. Penyelidik menjalankan kajian ini untuk mendapatkan jawapan bagi kesesuaian gagasan teori perubahan bahasa dengan perubahan bahasa yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Dusun, tingkat tekanan bahasa Melayu ke atas bahasa Dusun pada masa ini, aliran perubahan bahasa mengikut generasi masyarakat Dusun, evolusi bahasa dalam kalangan empat generasi suku kaum Dusun, dan sebab-musabab penutur bahasa Dusun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama.

## **Definisi Operasional**

### **Teori Perubahan Bahasa**

Teori perubahan bahasa yang dimaksudkan di sini ialah teori penyimpangan rawak (Hockett, 1968), teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968), dan teori stratum bawah (Aitchison, 1998).

### **Realiti Perubahan Bahasa**

Tingkat tekanan bahasa yang dialami oleh bahasa Dusun pada masa ini dan sebab-musabab masyarakat Dusun menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian menggantikan bahasa Dusun.

### **Bahasa Ibunda**

Bahasa Dusun yang menjadi bahasa pertuturan harian masyarakat Dusun secara turun-temurun.

### **Bahasa Melayu**

Bahasa pengantar utama dalam pendidikan di sekolah dan bahasa rasmi serta bahasa kebangsaan di Malaysia.



## SOROTAN KAJIAN


### Beberapa Teori Perubahan Bahasa

#### Teori Penyimpangan Bunyi

Menurut pendapat Charles Hockett (1958), linguist dari Amerika, perubahan bahasa yang tidak menentu dan yang berlaku sewenang-wenang, terjadi tanpa disedari akibat bunyi bahasa yang berubah secara beransur-ansur daripada sebutan yang asal. Biasanya, bahasa lisan lebih mudah difahami daripada bahasa tulisan walaupun ada kata-kata yang disebut oleh penutur tidak begitu tepat. Lantaran itu, Hockett mengandaikan bahawa sewaktu penutur bercakap, dengan tidak sengaja, si penutur menyimpang daripada sebutan bunyi bahasanya yang asal. Dengan kata lain, sewaktu penutur mengucapkan satu bunyi pertuturan, penutur seolah-olah melontar bunyi pertuturan tersebut ke satu arah mata sasaran yang unggul. Ada kalanya penutur kurang berhati-hati semasa membuat lontaran mata sasaran itu dan ini mengakibatkan penyimpangan bunyi. Yang berikut ialah andaian Hockett yang dipetik daripada teori penyimpangan rawak.

1. Sewaktu penutur bercakap, gerakan otot-otot vokal pada tahap akustik yang menghasilkan gelombang bunyi dianggap sebagai satu lontaran. Lontaran yang dilakukan oleh penutur kadang-kadang terlebih atau terkurang daripada mata sasaran yang unggul. Demikian juga halnya dengan pertuturan. Pada kebanyakan masa, keperluan gerak balas lisan yang pantas sebagai respons kepada pendengar menyebabkan penutur kurang menggunakan bunyi bahasa yang tepat. Diandaikan bahawa lontaran yang sepatutnya ditujukan kepada tanda (t) misalnya, tersasar berhampiran atau jauh daripada tanda itu. Semakin lama, semakin banyaklah lontaran yang tidak mengenai mata sasaran tetapi terhimpun di sekeliling satu titik kekerapan lontaran (lihat Rajah 1). Daripada andaian ini, Hockett membuat kesimpulan bahawa manusia banyak mendengar bunyi-bunyi yang bertabur di satu titik kekerapan. Selepas lama masa berlalu, mereka mula beranggapan bahawa mata sasaran yang betul terletak pada titik kekerapan lontaran yang maksimum, walaupun anggapan itu tidak benar.
2. Satu titik kekerapan mewakili satu bunyi yang menyimpang secara beransur-ansur daripada bunyi yang asal. Bunyi inilah yang akhirnya digunakan oleh kebanyakan ahli dalam sesuatu masyarakat yang berkongsi satu bahasa yang sama.

Teori penyimpangan rawak yang dikemukakan oleh Hockett tidak mempunyai arah lontaran yang tetap. Sesuatu bunyi bahasa boleh menyimpang jauh daripada bunyinya yang asal. Kemudian, pada masa yang lain, bunyi yang sama boleh pula kembali atau menghampiri bunyinya yang asal. Keadaan ini dikatakan berlaku berterusan. Walaupun terdapat kekurangan pada teori yang dikemukakan oleh Hockett (1958), teori ini sedikit sebanyak memberikan gambaran tentang perubahan bunyi bahasa.



**Rajah 1** Teori Hockett tentang Penyimpangan daripada Mata Sasaran (1958).



**Rajah 2** Mata Sasaran (*Bull's-eye*).

## **Teori Fesyen dan Ketidaktentuan Rawak**

Mengikut pandangan seorang linguist yang bernama Paul Postal (1968), (pandangan yang lebih kurang sama dengan Hockett), perubahan bahasa berlaku tanpa dirancang, tidak menentu, dan secara sewenang-wenang. Pandangan ini lebih kurang sama dengan gagasan teori Hockett. Akan tetapi, Postal menyamakan perubahan bahasa dengan perubahan yang berlaku pada fesyen pakaian. Postal berpendapat bahawa trend perubahan fesyen pakaian sukar diramal, seperti fesyen jaket yang sering berubah-ubah mengikut cita rasa pengguna. Pada tahun yang tertentu, jaket dibubuh tiga butang. Tahun yang lain, fesyen jaket tiga butang sudah tidak diminati ramai, maka fesyen jaket berubah lagi. Mengikut Postal, bahasa juga berubah mengikut trend semasa kerana budaya manusia itu sendiri yang cenderung mengubah gaya hidup. Perubahan bunyi dalam sesuatu bahasa tetap berlaku mengikut peredaran masa, dan boleh berlaku meskipun tanpa sebarang kontak terus dengan bahasa tamu.

Aitchison (1998), berpendapat bahawa perubahan bahasa berlaku kerana adanya resapan unsur bahasa asing. Dikatakan bahawa apabila kaum pendatang sampai di sesuatu kawasan yang baru, atau apabila penduduk asli sesuatu kawasan berasa selesa menggunakan bahasa penjajah di kawasan itu, penduduk asli belajar bahasa penjajah tetapi menggunakan bahasa itu dengan tidak sempurna. Kemudian, golongan dewasa menurunkan bahasa yang tidak sempurna itu kepada generasi muda dan orang lain yang berada di dalam lingkungan interaksi sosialnya. Dengan perbuatan ini, bahasa itu diubahsuai mengikut keperluan masyarakat setempat. Bahasa yang diambil dan digunakan itu tidak selalu bergerak ke arah bahasa stratum bawah. Kadang-kadang pendatang baru cuba membuat pembetulan yang melampau terhadap loghat bahasa yang dianggap salah. Hal ini bukan sahaja menyebabkan bahasa itu menyimpang daripada bahasa stratum bawah, tetapi berlaku juga perubahan pada bahasa yang diambil dan digunakan itu.

Situasi lain tentang resapan unsur bahasa asing yang menyebabkan perubahan ke atas sesuatu bahasa ialah kontak bahasa. Kontak bahasa antara beberapa bahasa yang berlainan biasa berlaku di kawasan sempadan bahasa. Penduduk di kawasan sempadan bahasa sering kali menutur dwibahasa atau mempunyai pengetahuan tentang bahasa di luar kawasan sempadan bahasanya, sebagai tambahan untuk bahasa jati. Dalam keadaan ini, bahasa yang berlainan saling mempengaruhi, dan semakin kerap kontak bahasa berlaku, semakin banyakkah unsur bahasa asing diserap masuk ke dalam bahasa jati.

Dalam gagasan teori stratum bawah ada dinyatakan bahawa terdapat dua jenis penutur yang memasukkan unsur bahasa asing ke dalam pertuturan mereka. Jenis pertama ialah penutur yang tidak mempunyai pengetahuan lengkap tentang sesuatu bahasa yang ditiru dan jenis kedua ialah penutur yang mengambil hanya sebahagian kecil bait-bait bahasa yang ditiru, yang dianggap berguna untuk komunikasi. Pembahagian ini dapat membantu pembaca untuk membezakan pengaruh stratum bawah daripada pinjaman. Dua jenis penutur inilah yang berupaya menjejaskan ketulenan bahasa asal (Thomason & Kaufman, 1988). Sewaktu penutur mempelajari satu bahasa yang baru, penutur dengan tidak sengaja memasukkan beberapa pola bunyi bahasa yang lama, seperti fonologi, tetapi kebanyakan kosa kata bahasa yang baru dikekalkan. Lagak bahasa ini dipanggil 'stratum bawah'. Sewaktu penutur mengambil sebahagian kecil bait-bait sesuatu bahasa yang baru, yang dianggap berguna sebagai tambahan untuk bahasa jati yang sedia ada, penutur mengubahsuai kosa kata bahasa yang baru itu mengikut keperluan komunikasi semasa. Lagak bahasa ini dipanggil 'pinjaman'. Jadual 1 menerangkan perbezaan stratum bawah dengan pinjaman.

**Jadual 1** Perbezaan Stratum Bawah dengan Pinjaman.

| Stratum Bawah<br>(belajar bahasa baru) | Pinjaman<br>(tambahan untuk bahasa jati) |
|----------------------------------------|------------------------------------------|
| ***                                    | Bunyi *                                  |
| ***                                    | Sintaksis *                              |
| *                                      | Kosa kata ***                            |

Petunjuk:

\* Mata 1 bintang. Sedikit dipelajari atau dipinjam.

\*\*\* Mata 3 bintang. Paling banyak dipelajari atau dipinjam.

Kedua-dua jenis penutur tersebut boleh terdiri daripada penutur yang sama. Katakanlah pengaruh stratum bawah dan pinjaman berlaku ke atas penutur dwibahasa Dusun-Melayu. Bahasa Melayu penutur (bahasa yang dipelajari), dipengaruhi loghat dan sintaksis bahasa ibunda, iaitu bahasa Dusun. Bahasa Dusun penutur (bahasa yang digunakan di rumah), mengambil banyak kosa kata bahasa Melayu, tetapi maksud yang ingin disampaikan masih boleh difahami. Contoh lain yang boleh diketengahkan ialah pendatang India di England. Lazimnya bahasa Inggeris pendatang India dipengaruhi oleh bahasa Punjabi dari aspek bunyi dan sintaksis. Pada masa yang sama,

bahasa Punjabi pendatang India itu mengandungi kata pinjaman daripada bahasa Inggeris.

Dalam amalan biasa, kita tidak selalu mengasingkan kontak dua bahasa yang terhasil daripada stratum bawah dan pinjaman, apatah lagi jika kontak bahasa ke atas seseorang penutur sudah lama berlaku. Dengan membuat pemerhatian terhadap kanak-kanak yang dwibahasa, seseorang dapat membezakan unsur utama stratum bawah daripada pinjaman kerana pengaruh stratum bawah berubah-ubah, bergantung pada bahasa yang terlibat dalam pertuturan. Pinjaman pula bersifat lebih umum.

Pinjaman membayangkan unsur bahasa yang diambil daripada bahasa penyumbang, dipinjam dalam masa yang terhad, kemudian dipulangkan semula kepada bahasa penyumbang tersebut. Namun, pada hakikatnya, 'pinjaman' bermaksud item bahasa penyumbang ditiru, bukannya dipinjam, seperti makna istilah yang asal.

Terdapat empat sifat pinjaman yang penting. Pertama, unsur yang dipinjam boleh dipisahkan daripada bahasa penyumbang dan tidak menjejaskan struktur bahasa yang meminjam, seperti kosa kata yang boleh digunakan oleh beberapa bahasa, terutama jika kata itu berprestij. Misalnya, di England, nama makanan Perancis, iaitu *coq au vin*, *pate*, *consommé*, *gateau*, dan *sorbet* pada satu ketika dianggap canggih dan elegan. Pinjaman kosa kata yang boleh diasingkan daripada bahasa penyumbang digabungkan dengan bahasa yang meminjam tanpa had. Akan tetapi, bahasa yang meminjam jarang-jarang meminjam kosa kata dasar yang selalu digunakan oleh bahasa penyumbang, umpamanya nombor.

Kedua, item bahasa penyumbang yang diambil diubahsuai dengan struktur bahasa meminjam. Penutur bahasa Dusun kadang-kadang tidak sedar bahawa mereka telah banyak mengubah bentuk kata bahasa Melayu yang ada dalam bahasa Dusun itu sendiri.

Contoh:

| <u>Dusun</u> (Bahasa Peminjam) | <u>Melayu</u> (Bahasa Penyumbang) |
|--------------------------------|-----------------------------------|
| dadi                           | jadi                              |
| hurumat                        | hormat                            |
| garai                          | gerai                             |
| jitar                          | gitar                             |
| karaja                         | kerja                             |
| kadai                          | kedai                             |
| latirik                        | letrik                            |

| <u>Dusun</u> (Bahasa Peminjam) | <u>Melayu</u> (Bahasa Penyumbang) |
|--------------------------------|-----------------------------------|
| Malayu                         | Melayu                            |
| pariksaan                      | peperiksaan                       |
| urus                           | terus                             |
| balajal                        | belajar                           |
| bosikol                        | basikal                           |
| jaruk                          | jeruk                             |
| kurusi                         | kerusi                            |
| manali                         | menari                            |
| puluru                         | peluru                            |
| sinapang                       | senapang                          |
| dapan                          | depan                             |
| kacaho                         | kacau                             |
| kumaya                         | jadi kaya                         |
| koingat                        | beringat-ingat                    |
| obising                        | bising                            |
| numbur                         | nombor                            |
| bayaro                         | bayar                             |

Ketiga, bahasa peminjam cenderung memilih struktur permukaan bahasa penyumbang yang seiras atau hampir-hampir sama dengan bahasa peminjam. Sebagai contoh, bahasa Perancis mengambil dan menggunakan binaan sintaksis tertentu daripada bahasa Jerman dengan meletakkan kata adjektif selepas kata nama, seperti *un visage blanc* (*a face white*). Di kawasan yang bersempadan dengan bahasa Jerman, bahasa Perancis mengambil ayat yang mengandungi kata adjektif campur kata nama, *un blanc visage* (*a white face*). Pinjaman seperti ini terjadi kerana bahasa Perancis ada sedikit kata adjektif, yang dalam ayat mendahului kata nama, seperti *le petit garcon* (*the small boy*), dan *la jolie femme* (*the pretty woman*).

Sifat yang keempat dikenali sebagai kecenderungan ke arah penyesuaian minimal, iaitu pada masa yang tertentu, bahasa peminjam membuat penyesuaian yang sangat kecil dalam struktur bahasa yang dipinjam. Dalam keadaan satu bahasa mempengaruhi bahasa yang lain, perubahan berlaku secara berperingkat-peringkat. Setiap peringkat melibatkan pengubahsuaian yang kecil (Bickerton, 1973). Misalnya, penutur bahasa Greek yang tinggal di Turki meminjam banyak fitur bahasa Turki, sehinggakan pada masa ini mereka bertutur bahasa yang 'badan masih kekal Greek, tetapi bersemangat Turki' (Thomason & Kaufman, 1988). Perubahan sebegini mengambil masa

berabad-abad lamanya, satu fitur pada satu masa, mengikut satu siri penyesuaian yang minimal.

Unsur bahasa asing tidak diserap ke dalam bahasa peminjam dengan sewenang-wenang. Unsur yang mudah diambil ialah kata-kata tunggal kerana tidak melibatkan pengubahsuaian struktur bahasa yang meminjam. Pinjaman unsur bahasa asing tidak mengganggu struktur asas sesuatu bahasa peminjam dengan mendadak. Unsur bahasa asing menggunakan peluang yang wujud dalam bahasa peminjam untuk masuk ke dalam bahasa peminjam. Keadaan ini mempercepat perubahan yang sememangnya sedang melanda bahasa peminjam.


### Keperluan Sosial

Mengikut Aitchison (1998), bahasa berubah sejajar dengan keperluan pengguna bahasa yang turut berubah. Perubahan ini melibatkan fungsi bahasa pada tahap kosa kata. Kata-kata yang tidak perlu, digugurkan kerana sudah jarang-jarang digunakan orang. Kata-kata yang baru pula timbul mengikut keperluan pengguna sesuatu bahasa.

Keperluan sosial boleh memacu lebih banyak perubahan kepada bahasa, bukan sekadar tambahan item kosa kata yang baru. Sebagai contoh, slanga dianggap sebagai gerak balas bagi satu keperluan penggunaan bahasa dalam satu kumpulan sosial kerana apabila kata yang lama hilang kekuatannya, kata yang baru jelas menggantikan tempat kata yang lama.

### Tekanan Bahasa

Tekanan bahasa bermaksud terdapat beberapa bahasa yang tertekan oleh bahasa dari luar yang lebih kuat dan berpengaruh. Weber (1991), membahagikan tekanan bahasa kepada enam tingkat, iaitu stabil, di pinggiran, mulai pudar, nazak, suci, dan mati, seperti pada Rajah 3 yang berikut:



Rajah 3 Enam Tingkat Tekanan Bahasa (Weber, 1991).

Sebagai memenuhi keperluan kertas kerja ini, penghuraian tingkat 1, 2, dan 3 sudah memadai, sesuai dengan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

### **Stabil**

Bahasa dalam kategori stabil ialah bahasa yang kewujudannya tidak perlu dibimbangkan. Bilangan penuturnya cukup besar (lazimnya, dalam bilangan yang berjuta) dan kestabilan sosial dalam keadaan geografi yang terpencil menjamin penakatan jangka panjang bahasa itu. Kebanyakan bahasa yang stabil mempunyai bilangan penutur yang besar, yang tidak mengetahui bahasa lain dan tidak mengalami sebarang kesan buruk dalam kehidupan mereka ekoran daripada keadaan terpencil. Contoh bahasa dalam kategori stabil ialah bahasa Afrikaan (Afrika Selatan), Catalan (Timur laut Sepanyol), Cebuano (Filipina), dan Guarani (Paraguay).

### **Di Pinggiran**

Kedudukan bahasa di pinggiran bolehlah diumpamakan telur di hujung tanduk. Bahasa ini masih hidup dan mempunyai jumlah penutur yang agak banyak walaupun bilangan penuturnya terus menurun. Bahasa yang tergolong dalam kategori ini jelas berada di ambang senja. Bilangan penutur yang ekabahasa adalah kecil dan kian mengecil. Bukan semua bahasa dalam kategori ini sedang menunggu waktu untuk pupus. Bahasa Maori dan Welsh ialah dua contoh bahasa yang sedang berjuang untuk terus wujud dan usaha ini disokong oleh bantuan kerajaan. Bahasa yang berada di pinggiran sering dirujuk sebagai “hanya masa yang menentukan”, apabila peluang jangka hayat bahasa itu dibincangkan. Penutur bahasa Welsh sudah sekian lama menurun (daripada tidak sampai satu juta penutur pada tahun 1900 kepada setengah juta pada tahun 1981), dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan penurunan itu dapat disekat, apatah lagi untuk meningkatkan bilangan penuturnya, meskipun usaha ke arah itu sudah dijalankan oleh pihak-pihak tertentu. Ada beberapa bahasa yang lain di pinggiran kerana tertindas dan mendapat tekanan pihak pemerintah (contoh: Bahasa Araucan) atau bahasa yang tidak dipedulikan (contoh: kebanyakan bahasa Amerindia dan Afrika).

### **Mulai Pudar**

Bahasa yang tergolong ke dalam kategori ini berada dalam keadaan yang menyedihkan. Kesemua bahasa ini sudah mula pudar dan menghadapi zaman



gelap sama ada dengan perlahan, cepat, senyap, atau riuh-rendah. Bilangan penutur ekabahasanya dianggap sangat kecil dan tersebar di sana sini. Kedwibahasaan pula tidak lagi perlu dalam kehidupan sehari-hari. Pada umumnya, beberapa kerat penutur ekabahasa terbatas kepada kegiatan tradisi, seperti berternak, bertani, dan menangkap ikan. Bahasa Irish-Gaelic, Scottish-Gaelic dan Rhaeto-Romanic merupakan tiga contoh bahasa yang mulai pudar. Ketiga-tiga bahasa ini cuba menentang arus yang telah melanda selama lebih daripada seribu tahun. Segala usaha pejuang bahasa, pihak kerajaan, para penyelidik dan sokongan orang ramai dapat melengahkan proses kemusnahan tetapi tidak dapat dicegah ataupun dihalakan ke arah pemulihan. Bahasa Hebrew merupakan satu-satunya contoh bahasa yang berjaya dihidupkan semula dan ini merupakan kes yang istimewa.

### **Nazak**

Bahasa yang tergolong ke dalam kategori nazak ialah bahasa yang telah tenggelam daripada pengetahuan orang, kecuali pakar bahasa dan beberapa orang penutur yang masih hidup. Bahasa yang nazak memang tidak mempunyai harapan untuk hidup. Kematian bahasa ini dapat dijangka dalam masa beberapa generasi.

Ada kalanya sesebuah keluarga atau sesuatu kelompok yang akrab menggunakan bahasa nazak sebagai kod rahsia dalam kalangan anggotanya. Dengan jalan ini, kematian dapat ditangguhkan selama beberapa generasi.

### **Suci**

Beberapa bahasa yang pada suatu ketika dahulu tersebar luas penggunaannya dan dianggap penting telah berupaya mencapai sesuatu yang hampir mustahil, iaitu hidup sesudah mati. Bahasa ini berjaya mencapai tahap demikian kerana agama: bahasa yang dimaksudkan ini telah menjadi bahasa suci. Bahasa ini tidak mempunyai penutur jati selama berkurun-kurun. Masa yang lama diperlukan sebelum sesuatu bahasa sampai ke tahap suci. Selepas bertukar menjadi bahasa suci, bilangan penuturnya agak besar. Kebanyakan paderi dan ahli teologi terpaksa mempelajari bahasa yang sudah mati ini sebagai sebahagian daripada pendidikan keagamaan untuk kerjaya mereka.

Di barat, bahasa Latin ialah contoh yang menonjol dalam kategori ini. Bahasa Latin merupakan satu-satunya bahasa yang telah mati tetapi digunakan secara rasmi dalam sebuah negeri moden. Bahasa Latin bersama bahasa Itali yang masih hidup ialah bahasa rasmi Vatican. Bahasa ini masih

memainkan peranan yang penting dalam gereja Roman Katolik sungguhpun kepentingan ini sudah agak berkurangan akhir-akhir ini.

## **Mati**

Bahasa yang sudah mati ialah bahasa yang tidak ada lagi penutur jatinya. Banyak bahasa yang sudah mati masih dipelajari, dikaji, dan dituturkan sedikit sebanyak oleh para ahli sains, arkeologi, sejarah, linguis, malah peminat bahasa. Sebaliknya, begitu sedikit maklumat yang ada tentang bahasa yang sudah mati sehingga tidak ada bahan yang hendak dikaji. Terdapat bahasa yang namanya pun sudah lenyap ditelan zaman. Weber (1991), ada menyatakan beberapa bahasa yang sudah mati seperti yang berikut:

- Bahasa Cornish (penutur jati yang terakhir meninggal dunia pada tahun 1777).
- Bahasa Tasmania (penutur jati yang terakhir meninggal dunia pada tahun 1888).
- Bahasa Dalmatian (penutur jati yang terakhir meninggal dunia pada tahun 1898).

Kerap dikatakan bahawa kewujudan sistem tulisan dapat menstabilkan bahasa dan mengurangkan kadar perubahannya. Hal ini memang ada logiknya dan terbukti benar dalam banyak kes. Akan tetapi, dalam bidang sosio-linguistik, kekecualian tetap ada. Misalnya, bahasa Congo (bahasa Niger-Congo atau Bantu yang dituturkan di Zaire, Angola, dan Congo) telah diketahui sejak tahun 6120-an S.M. dan kekal sebagai bahasa yang tidak mempunyai sistem tulisan selama 350 tahun. Bahasa ini langsung tidak berubah sepanjang tempoh tersebut.

## **Bahasa Melayu di Sabah**

Sejarah awal menunjukkan bahawa bahasa Melayu sudah lama bertapak di negeri Sabah. Menurut Tregonning (1960), bahasa Melayu sudah menjadi lingua franca atau bahasa perhubungan dalam kalangan penduduk di kepulauan Melayu, termasuk pulau Borneo sejak beberapa abad yang lampau. Selain itu, catatan pengembara seperti Pigafetta dan Valentyn membuktikan bahawa bahasa Melayu memang menjadi bahasa yang penting, yang digunakan oleh penduduk di kawasan Nusantara.

Semasa negeri Sabah di bawah pemerintahan Sultan Brunei pada abad ke-17, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi dan bahasa perhubungan.

Walaupun perkembangan bahasa Melayu di negeri Sabah agak terbatas semasa penjajahan British, penggunaannya masih meluas. Pihak British sendiri tidak menekan bahasa Melayu dan membenarkan penggunaan bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah. Bahkan, pihak British menyediakan pendidikan sekolah vernakular secara percuma dalam bahasa Melayu sebagai kewajipan sivik mereka terhadap golongan peribumi (George, 1980). Berdasarkan alasan ini, maka sudah tentulah bahasa Melayu memperlihatkan pengaruhnya ke atas bahasa peribumi di Sabah. Keadaan yang sedemikian tentulah mendorong perbuatan pinjam-meminjam antara bahasa Melayu dengan bahasa peribumi di Sabah. Faktor ketiadaan kata padanan dalam bahasa peribumi menyebabkan berlakunya pinjam-meminjam ini. Kata yang dipinjam itu lebih kerap digunakan berbanding dengan kata dalam bahasa peribumi itu sendiri. Penggunaannya menjadi kerap sehingga kata-kata ini menjadi lazim dalam kalangan penutur bahasa peribumi. Hal ini pernah diakui oleh penutur bahasa peribumi ketika ditemu bual oleh penyelidik. Mereka berpendapat bahawa kata pinjaman daripada bahasa Melayu lebih mudah mengungkap hasrat dan senang difahami berbanding dengan kata bahasa sukuan. Peminjaman memberikan peluang kepada penutur bahasa peribumi untuk memilih sama ada mahu menggunakan kata bahasa sukuan atau kata bahasa Melayu.

Bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan selepas tahun 1963, iaitu sesudah Sabah menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Dalam pada itu, 55 bahasa di Sabah yang dituturkan oleh penutur peribumi yang bukan penutur asli bahasa Melayu (tidak seperti di Semenanjung Malaysia), menyebabkan kerancuan yang banyak dalam bahasa Melayu sehingga wujud satu variasi bahasa Melayu yang dikenali sebagai bahasa Melayu dialek Sabah.

Bahasa Melayu dekat hubungannya dengan bahasa di Sarawak, Sumatera, dan Jawa. Sebaliknya, bahasa peribumi Sabah, termasuk bahasa Dusun mempunyai hubungan kekeluargaan yang jauh sedikit daripada bahasa Sarawak (Asmah Haji Omar, 1983). Bahasa Melayu dan bahasa Dusun dipercayai berasal daripada satu rumpun bahasa (Indonesia), tetapi berlainan kelompok. Bahasa Melayu tergolong dalam kelompok Indonesia Pusat, sementara bahasa Dusun termasuk dalam kelompok Filipina-Formosa.

Orang Melayu dan yang seketurunan dengannya, termasuk orang Dusun di seluruh kepulauan Melayu dikatakan berasal dari Tanah Besar Asia. Orang Negrito dan orang Sakai tidak tergolong dalam kumpulan ini meskipun tempat asal mereka adalah sama (Iskandar Carey, 1970). Perpindahan bangsa Melayu dari Tanah Besar Asia ke Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh

gugusan kepulauan Melayu berlaku berperingkat-peringkat. Perpindahan tersebut memakan masa yang panjang, bermula kira-kira 1500 tahun Sebelum Masihi (Poerbatjaraka, 1951). Sepanjang gelombang perpindahan itu, ada antaranya yang menetap di tempat persinggahan dan ada pula yang meneruskan perjalanan ke tempat baru. Alat yang digunakan, iaitu kapak dan gendang tembaga (dalam bahasa Dusun disebut *kapak* dan *tagung*), yang ditemui di dalam gua di Semenanjung dan Sungai Tembeling memperlihatkan persamaan dengan alat di Tonkin, Jawa, dan Bali (Winstedt, 1953). Bukti inilah yang menjadi jawapan tentang dua bahasa yang serumpun tetapi terletak di tempat yang berjauhan.

Dyen (1965), ahli linguistik bandingan Amerika berpendapat bahawa bangsa Austronesia masuk ke kepulauan Indonesia (termasuk Malaysia) melalui dua jalan. Jalan pertama ialah Indonesia Timur sampai ke Flores. Jalan kedua ialah Palau dan atau Guam, memasuki Sulawesi Utara, Kalimantan, dan Mindanao Selatan. Bahasa Gorontalo dikatakan hasil migrasi terakhir dari Filipina ke Sulawesi Utara; migrasi yang sama dari Filipina turut menduduki Kalimantan Utara yang menurunkan bahasa Dusun dan bahasa Murut (Keraf, 1984). Berdasarkan kesinambungan geografi bahasa, bahasa Dusun memang sekeluarga dengan bahasa di Filipina (Llamzon, 1978).

Dari segi etnologi, tidak ada disebut tentang tempat asal usul orang Dusun. Orang Dusun di Sabah mendapat tahu tentang hal ini melalui penceritaan turun-temurun bahawa keturunan mereka berasal daripada *Nunuk Ragang* atau pohon ru merah (Woolley, 1962). Orang Dusun mempunyai persamaan dengan kaum Toraja di Sulawesi kerana mengamalkan pertanian pindah yang menggunakan batu dan penugal (Lee, 1970).

Bahasa yang dituturkan oleh suku kaum Dusun di Sabah berlainan daripada bahasa Melayu sekarang, tetapi persamaannya tetap ada. Tiada penjelasan lain tentang persamaan ini, selain bahasa itu berasal daripada sumber yang sama, iaitu bahasa Austronesia purba. Yang berikut diperturunkan kata kognat yang dikemukakan oleh Keraf (1984):

| Melayu | Dusun  | Tagalog | Jawa   | Batak |
|--------|--------|---------|--------|-------|
| pilih  | pili   | pi:li'  | pilik  | pili  |
| tunjuk | tu duk | tu:ru'  | tu duk | tu du |
| taji   | taji   | ta:ri'  | tadi   | tadi  |
| sagu   | sagu'  | sa:gu   | sagu   | sagu  |
| padi   | parai  | palai   | pari   | page  |

Menurut Clayre (1970), lebih kurang 20 peratus kosa kata bahasa Dusun berkognat dengan bahasa Melayu. Kata kognat tersebut terdapat juga dalam bahasa Borneo yang lain dan bahasa di Filipina.

## METODOLOGI

Penyelidik menggunakan kajian tinjauan dengan soal selidik dan temu bual berstruktur. Soal selidik tentang gagasan tiga teori perubahan bahasa disediakan untuk 50 responden A (lihat Lampiran A). Lima set soal selidik yang lain diedarkan kepada 50 responden B daripada pelbagai generasi dan kumpulan. Temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan data yang tidak diduga daripada 50 responden B. Selain soal selidik dan temu bual berstruktur, penyelidik turut menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat lakuan bahasa 50 responden B yang terdiri daripada tiga generasi. Demi memudahkan pemahaman pembaca, profil responden adalah seperti yang berikut:

| <u>Kumpulan Responden</u>                                                          | <u>Bilangan</u> | <u>Jenis Soal Selidik</u>                                               |
|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|-------------------------------------------------------------------------|
| <i>Responden A</i>                                                                 | 50 orang        | Teori perubahan bahasa<br>Tekanan Bahasa                                |
| <i>Responden B</i>                                                                 |                 |                                                                         |
| Generasi kedua kumpulan 1 (60 tahun ke atas, tidak berpendidikan)                  | 10 orang        | Carta aliran perubahan bahasa<br>Bahasa evolusi<br>Bahasa sebab-musabab |
| Generasi kedua kumpulan 2 (60 tahun ke atas, berpendidikan)                        | 10 orang        | sama                                                                    |
| Generasi ketiga kumpulan 1 (30 – 59 tahun. Menggunakan bahasa ibunda di rumah)     | 10 orang        | sama                                                                    |
| Generasi ketiga kumpulan 2 (30 – 59 tahun. Menggunakan bahasa Melayu dialek Sabah) | 10 orang        | sama                                                                    |
| Generasi keempat (29 tahun ke bawah)                                               | 10 orang        | sama                                                                    |

Lokasi kajian ialah kampung Lohan, Ranau, Sabah. Kampung ini terletak kira-kira 12 kilometer dari pekan Ranau. Pekan Ranau pula terletak kira-kira 100 kilometer arah pantai barat dari Kota Kinabalu. Kampung Lohan dibuka pada tahun 1963 di bawah skim penanaman padi. Penduduknya terdiri daripada suku kaum Dusun di sekitar daerah Ranau.

Data kajian yang dikumpul oleh penyelidik dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif, dan dipersembahkan mengikut setiap objektif kajian.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Kesesuaian Gagasan Teori Perubahan Bahasa dengan Perubahan Bahasa yang Benar-benar Berlaku dalam Masyarakat Dusun

Perubahan bahasa berlaku kerana terdapat perubahan dalam kehidupan manusia dari segi persekitaran, pemikiran, sosial, dan fizikal. Dalam kertas kerja ini, penyelidik memaparkan beberapa teori perubahan bahasa, disusuli maklum balas terhadap gagasan teori-teori tersebut daripada 50 responden A. Contoh soal selidik ada disertakan. (Lihat Lampiran A). Secara keseluruhan, dapatan kajian yang dijalankan pada bulan Januari 2003 di Sabah menggambarkan perubahan bahasa, iaitu daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu yang melanda generasi muda suku kaum Dusun di Sabah.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian tentang gagasan teori penyimpangan rawak (Hockett, 1958), yang disesuaikan dengan persekitaran bahasa responden mengikut kekerapan adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Gagasan Teori                                                                                                                                              | Respons |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1.   | Perubahan bahasa di kalangan generasi muda kaum Dusun terjadi tanpa disedari, umpama bunyi yang berubah secara beransur-ansur daripada sebutan yang asal.  | 100 %   |
| 2.   | Lazimnya, bahasa lisan mudah difahami walaupun bukan semua bunyi disebut dengan betul. Hal ini mendorong penutur untuk tidak berhati-hati semasa bercakap. | 62 %    |

|    |                                                                                                                                                |      |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|
| 3. | Sewaktu bercakap, penutur dengan tidak sengaja menyimpang daripada sebutan bahasa yang asal.                                                   | 60 % |
| 4. | Percakapan generasi muda kaum Dusun boleh berubah secara beransur-ansur selepas beberapa tahun berada dalam lingkungan persekitaran yang sama. | 54 % |
| 5. | Keperluan gerak balas lisan yang pantas untuk pendengar menyebabkan penutur cuai menggunakan bahasa yang betul tatabahasanya.                  | 42 % |

Semua responden bersetuju 100 peratus bahawa perubahan bahasa yang melanda generasi muda terjadi tanpa disedari. Hal ini terkandung dalam gagasan kedua teori penyimpangan bunyi bahawa satu titik kekerapan mewakili satu bunyi yang menyimpang secara beransur-ansur daripada bunyi yang asal. Bunyi inilah yang akhirnya digunakan oleh kebanyakan ahli dalam sesuatu masyarakat yang berkongsi satu bahasa yang sama.

Perubahan bahasa yang berlaku terhadap generasi muda suku kaum Dusun berpunca daripada sikap ibu bapa sendiri yang melihat adanya nilai ekonomi dalam bahasa Melayu. Maka tidaklah benar jika ibu bapa membuat alasan bahawa perubahan bahasa daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu berlaku tanpa disedari oleh mereka. Mereka sendiri yang memilih untuk berkomunikasi dengan anak-anak di rumah dengan menggunakan bahasa Melayu dialek Sabah. Bahasa Melayu dialek Sabah banyak menerima kosa kata bahasa Melayu Brunei, Indonesia, dan bahasa peribumi Sabah. Amalan menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan generasi muda lama-kelamaan menjadikan bahasa Melayu dialek Sabah sebagai bahasa pertama generasi muda menggantikan peranan bahasa Dusun. Ada generasi muda yang sudah tidak pandai bertutur bahasa Dusun tetapi masih faham maknanya. Generasi muda yang tinggal di asrama sekolah atau di pusat pengajian yang lain lebih beruntung kerana berpeluang membetulkan dan meningkatkan pengetahuan bahasa Melayunya ekoran pendedahan bahasa yang betul dari aspek kosa kata, makna, dan ayat dalam jangka masa yang lama. Ada antara mereka yang fasih bertutur bahasa Melayu baku.

Dapatan kajian tentang gagasan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968), yang disesuaikan dengan persekitaran bahasa responden

mengikuti kekerapan adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Gagasan Teori                                                                                                                                                                           | Respons |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1.   | Perubahan bahasa yang melanda generasi muda kaum Dusun tetap berlaku meskipun tanpa sebarang kontak terus dengan bahasa Melayu kerana budaya mereka yang cenderung mengubah gaya hidup. | 68 %    |
| 2.   | Perubahan bahasa berlaku tanpa dirancang, tidak menentu, dan secara sewenang-wenang.                                                                                                    | 60 %    |
| 3.   | Perubahan bahasa disamakan dengan perubahan fesyen pakaian kerana trend yang merangsang perubahan fesyen pakaian sukar diramal.                                                         | 10 %    |

Gagasan teori fesyen dan ketidaktentuan bunyi hanya mendapat respons sebanyak 68 peratus, tetapi masih boleh diterima oleh penyelidik sekiranya dikaitkan dengan sikap generasi muda yang cenderung mengubah gaya hidup. Tidak seperti di Semenanjung Malaysia, generasi muda suku kaum Dusun tidak mempunyai kontak terus dengan bahasa Melayu melalui penutur jatinya. Mereka terdedah kepada bahasa Melayu melalui pembelajaran yang formal, bahan-bahan bacaan, dan media elektronik. Menerusi saluran tersebut, pelajar mengetahui tentang bahasa Melayu, tentang hal ehwal dunia, dan keperluan untuk mengubah gaya hidup sesuai dengan situasi semasa bagi meningkatkan taraf hidup mereka supaya lebih baik daripada generasi tua. Walaupun mereka terdedah kepada bahasa Melayu baku melalui pendidikan formal di sekolah, pelajar amat bertuah jika berpeluang diajar oleh guru Melayu yang berasal dari Semenanjung Malaysia. Dalam situasi sebegini, dapatlah dikatakan pelajar mempunyai kontak terus dengan bahasa Melayu yang digunakan oleh guru berbangsa Melayu. Kebanyakan responden bersetuju bahawa perubahan bahasa yang melanda generasi muda kaum Dusun berlaku sewenang-wenang mengikuti peredaran masa akibat pengaruh persekitaran dan motivasi instrumental. Namun, sebilangan besar responden tidak bersetuju bahawa perubahan bahasa disamakan dengan perubahan fesyen pakaian seperti gagasan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968).

Rumusan penting yang diperolehi daripada dapatan kajian tentang teori penyimpanan rawak (Hockett, 1958) dan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968) terdiri daripada gagasan yang berikut:



1. Satu titik kekerapan mewakili satu bunyi yang menyimpang secara beransur-ansur daripada bunyi yang asal. Bunyi inilah yang akhirnya digunakan oleh kebanyakan ahli dalam sesuatu masyarakat yang berkongsi satu bahasa yang sama (Hockett, 1958).
2. Bahasa berubah mengikut trend semasa kerana budaya manusia itu sendiri yang cenderung mengubah gaya hidup. Perubahan bunyi dalam sesuatu bahasa tetap berlaku mengikut peredaran masa, dan boleh berlaku meskipun tanpa sebarang kontak terus dengan bahasa tamu (Postal, 1968).

Walaupun teori penyimpangan rawak (Hockett, 1958) diperkenalkan 46 tahun dahulu, dan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968), 36 tahun yang lalu, gagasan utama teori tersebut masih sesuai diguna pakai dalam meneliti perubahan bahasa suku kaum Dusun di kampung Lohan, Ranau, Sabah.

Apakah tafsiran kita tentang teori penyimpangan rawak (Hockett, 1958), dan teori fesyen dan ketidaktentuan rawak (Postal, 1968)? Sudah tentu kita mengakui kewujudan perubahan fesyen pakaian akibat pengaruh sosial. Bagaimana pula dengan bunyi bahasa? Kita tidak dapat menafikan bahawa percakapan seseorang boleh berubah secara beransur-ansur, selepas beberapa tahun berada dalam lingkungan persekitaran yang sama, sebagaimana yang ditunjukkan oleh suku kaum Dusun di Malaysia, yang dapat bertutur menggunakan loghat bahasa Melayu Semenanjung jika berkahwin dengan orang Melayu Semenanjung. Akan tetapi, analogi fesyen dan ketidaktentuan bunyi tidak dapat dianggap sebagai agen utama perubahan bahasa atas tiga sebab.

Pertama, jika kebanyakan bunyi bahasa terhimpun di sekitar kawasan mata sasaran, pada akhirnya bahasa akan berada dalam keadaan yang berkecamuk. Secara tidak langsung, Postal dan Hockett mengumpamakan bunyi-bunyi bahasa itu sebuah bilik yang gelap, yang diselubungi penutup. Orang-orang di dalam bilik itu bergerak tak tentu arah, kadang-kadang bertembung sesama sendiri kerana pandangan yang kurang jelas. Bahasa tidak boleh disamakan dengan situasi orang yang bertembung sesama sendiri di dalam bilik yang gelap kerana bahasa tersusun rapi, berpola tetap, dan tidak dapat dipecahkan menjadi bahagian yang lebih kecil daripada fonem.

Kedua, penyimpangan bunyi daripada bahasa asal (mata sasaran) sering berlaku dalam mana-mana bahasa di dunia tetapi tidak semestinya berlaku perubahan pada bahasa. Sekiranya perubahan bahasa disamakan dengan fesyen pakaian, maka tidak banyak kelainan yang boleh dijangka antara satu bahasa dengan bahasa yang lain.

Ketiga, seolah-olah ada halangan tersembunyi dalam bahasa itu sendiri yang menyebabkan penutur tidak menyebut sesuatu bunyi bahasa dengan betul. Halangan tersembunyi inilah yang menentukan mana-mana unsur bahasa yang boleh berubah atau tidak. Halangan tersembunyi bermaksud, terdapat 'tempat-tempat yang lemah' dalam sesuatu struktur bahasa yang mencetuskan sesuatu perubahan, manakala unsur bahasa yang stabil pula menolak segala perubahan. Kebanyakan linguis menganggap fesyen sebagai unsur yang menggerakkan satu kecenderungan ke arah perubahan bahasa tetapi penyebab perubahan yang sebenar tersembunyi di bawah struktur permukaan sesuatu bahasa.

Selepas mendapat kepastian tentang fakta perubahan bahasa secara teori, maka barulah penyelidik mengambil langkah untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi bahasa Melayu generasi muda di kampung Lohan, Ranau, Sabah.

Dapatan kajian tentang gagasan teori stratum bawah (Aitchison, 1998) berdasarkan aplikasi dalam masyarakat responden mengikut kekerapan adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Gagasan Teori                                                                                                                                                                                                         | Respons |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1.   | Pertuturan bahasa Melayu masyarakat Dusun dipengaruhi loghat dan struktur ayat bahasa Dusun.                                                                                                                          | 98 %    |
| 2.   | Bahasa Melayu yang digunakan oleh ibu bapa bukanlah bahasa Melayu baku. Oleh itu, ibu bapa menurunkan bahasa Melayu yang tidak sempurna kepada anak-anak.                                                             | 78 %    |
| 3.   | Sewaktu masyarakat Dusun mempelajari bahasa Melayu, mereka dengan tidak sengaja memasukkan beberapa pola bunyi bahasa Dusun dalam bahasa Melayu, tetapi kebanyakan perkataan bahasa Melayu dikekalkan, tidak berubah. | 72 %    |
| 4.   | Semakin lama masyarakat Dusun terdedah kepada bahasa Melayu, semakin banyaklah unsur bahasa Melayu yang diserap ke dalam bahasa Dusun.                                                                                | 70 %    |
| 5.   | Kebanyakan penutur bahasa Dusun tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang bahasa Melayu.                                                                                                                       | 58 %    |
| 6.   | Bahasa Melayu diubahsuai mengikut keperluan masyarakat Dusun.                                                                                                                                                         | 50 %    |

Dapatan kajian menunjukkan gagasan yang terkandung dalam teori stratum bawah oleh Aitchison (1998) lebih mendapat sambutan berbanding dengan dua teori yang sebelumnya. Hal ini kerana teori ini ialah teori baru, di samping berisi fakta yang lebih meyakinkan. Masyarakat Dusun tergolong dalam jenis penutur yang tidak mempunyai pengetahuan lengkap tentang sesuatu bahasa yang ditiru. Tidak hairanlah jika pertuturan bahasa Melayu kebanyakan ahli masyarakat tersebut dipengaruhi loghat dan struktur ayat bahasa ibunda. Bahasa Melayu yang tidak sempurna itu pula diturunkan kepada anak-anak yang sekarang ini generasi muda masyarakat Dusun. Benarlah andaian Aitchison bahawa perubahan bahasa berlaku kerana adanya resapan unsur bahasa asing.

Dapatan kajian tentang kata pinjaman dalam kalangan masyarakat Dusun adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Gagasan Teori                                                                                                                     | Respons |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1.   | Perubahan yang melanda bahasa Dusun berlaku secara berperingkat-peringkat. Setiap peringkat melibatkan pengubahsuaian yang kecil. | 62 %    |
| 2.   | Perubahan yang melanda bahasa Dusun sudah berlaku berabad-abad, sedikit demi sedikit pada satu masa, mengikut kesesuaian keadaan. | 52 %    |
| 3.   | Dalam masyarakat Dusun, bahasa Dusun boleh diibaratkan “Badan masih kekal Dusun, tetapi bersemangat Melayu”.                      | 36 %    |

Memang benar perubahan yang melanda bahasa Dusun berlaku secara berperingkat-peringkat. Generasi yang pertama ialah penutur ekabahasa. Mereka menggunakan bahasa Dusun sahaja dan tidak ada pengetahuan tentang bahasa Melayu. Generasi kedua kumpulan 1 menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya dan tidak mempunyai pendidikan formal. Mereka berumur 60 tahun ke atas. Kumpulan ini menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi di rumah dan di luar rumah. Mereka faham dan boleh bertutur sedikit bahasa Melayu yang dicampuradukkan dengan bahasa ibunda. Generasi kedua kumpulan 2 menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama tetapi boleh bertutur bahasa Melayu. Kumpulan ini mempunyai pendidikan formal (sekolah rendah atau sekolah menengah). Generasi ketiga kumpulan 1 berumur antara 30–59 tahun. Mereka mempunyai pendidikan

formal dan boleh bertutur bahasa Melayu dan bahasa ibunda. Mereka menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama di rumah. Generasi ketiga kumpulan 2 boleh bertutur bahasa ibunda tetapi menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur dengan anak dan cucu. Kumpulan ini rata-rata mendapat pendidikan yang formal. Generasi keempat ialah kumpulan yang berumur 29 tahun ke bawah (kesemuanya mendapat pendidikan formal). Mereka menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di rumah dan di luar rumah. Walaupun mereka memahami bahasa ibunda, mereka tidak tahu bertutur ataupun tidak menggunakan bahasa ibunda. Paparan ini menunjukkan bahawa bahasa berubah seiring dengan keperluan si pengguna bahasa yang berubah, selaras dengan gagasan keperluan sosial.

Dapatan kajian tentang perubahan bahasa mengikut keperluan pengguna dalam konteks masyarakat Dusun adalah seperti yang berikut:

| Bil. | Gagasan Teori                                                                                                                                                                 | Respons |
|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1.   | Bahasa berubah seiring dengan keperluan si pengguna bahasa yang berubah.                                                                                                      | 60 %    |
| 2.   | Kata-kata yang baru timbul mengikut keperluan si pengguna. Apabila kata-kata yang lama hilang kekuatannya, kata-kata yang baru jelas menggantikan tempat kata-kata yang lama. | 52 %    |
| 3.   | Bahasa berubah kerana fungsi bahasa yang berubah.                                                                                                                             | 44 %    |

### Tingkat Tekanan Bahasa Melayu ke Atas Bahasa Dusun


Dapatan kajian tentang tingkat tekanan bahasa Melayu ke atas bahasa Dusun adalah seperti yang berikut:

**Jadual 2** Tingkat tekanan bahasa Melayu ke atas bahasa Dusun.

| Tingkat Tekanan | Respons |
|-----------------|---------|
| 1. Stabil       | 6 %     |
| 2. Di pinggiran | 62 %    |
| 3. Mulai nazak  | 32 %    |
| 4. Suci         | 0 %     |
| 5. Mati         | 0       |

Sebanyak 31 responden atau 62 peratus bersetuju bahawa bahasa Dusun kini di pinggiran akibat tekanan bahasa Melayu. Tekanan ini akan terus berlaku kerana generasi muda rata-rata menggunakan bahasa Melayu dalam komunikasi harian, sama ada di rumah atau di luar rumah. Walaupun bahasa Dusun masih hidup dan mempunyai jumlah penutur yang agak ramai, bilangan penuturnya terus menurun mengikut gaya hidup dan keperluan sosial masyarakat masa ini yang tidak lagi mementingkan bahasa ibundanya. Bilangan penutur yang ekabahasa kecil dan semakin mengecil. Pencinta bahasa Dusun berjuang untuk memastikan bahasa tersebut terus wujud dan usaha ini disokong oleh bantuan kerajaan dengan mengadakan pengajaran bahasa Dusun di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan penurunan penggunaan bahasa Dusun dapat disekat, apatah lagi untuk meningkatkan bilangan penutur bahasa tersebut

**Carta Alir Perubahan Bahasa Mengikut Generasi Masyarakat Dusun**



biarpun usaha ke arah itu sudah dijalankan oleh pihak tertentu.

Memang benar, perubahan bahasa yang melanda masyarakat Dusun di kampung Lohan berlaku secara berperingkat-peringkat. Generasi yang pertama ialah penutur ekabahasa. Mereka menggunakan bahasa Dusun sahaja dan tidak ada pengetahuan tentang bahasa Melayu. Penyelidik tidak berpeluang untuk menemu bual generasi pertama kerana tiada yang masih hidup.

Generasi kedua kumpulan 1 menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya dan buta huruf. Pada zaman kanak-kanak mereka, belum ada sekolah didirikan di kampung Lohan. Oleh itu, mereka tidak berpendidikan formal. Mereka berumur 60 tahun ke atas. Kumpulan ini masih menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi di rumah dan di luar rumah. Mereka faham dan boleh bertutur sedikit dalam bahasa Melayu yang bercampur aduk dengan bahasa ibunda.

Generasi kedua kumpulan 2 masih menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama tetapi boleh bertutur bahasa Melayu. Kumpulan ini mempunyai pendidikan formal, sama ada peringkat sekolah rendah atau sekolah menengah. Inilah fakta yang dapat membezakan generasi kedua kumpulan 2 dengan generasi kedua kumpulan 1.

Generasi ketiga kumpulan 1 berumur antara 30–59 tahun. Mereka berpendidikan formal dan boleh bertutur bahasa Melayu dan bahasa ibunda. Mereka menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama di rumah.

Generasi ketiga kumpulan 2 boleh bertutur bahasa ibunda tetapi menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur dengan anak dan cucu. Kumpulan ini rata-rata mendapat pendidikan yang formal.

Generasi keempat ialah kumpulan yang berumur 29 tahun ke bawah. Sebagai generasi yang berpendidikan formal, mereka menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di rumah dan di luar rumah. Walaupun mereka memahami bahasa ibunda, mereka tidak tahu bertutur ataupun tidak lancar berbahasa ibunda. Paparan ini menunjukkan bahawa bahasa berubah seiring dengan keperluan si pengguna bahasa yang berubah, selaras dengan gagasan keperluan sosial oleh Aitchison (1998).

## **Evolusi Bahasa dalam Kalangan Empat Generasi Suku Kaum Dusun**

Evolusi bahasa bermaksud perubahan secara beransur-ansur pada bahasa. Sudah terbukti bahawa sesuatu masyarakat itu menerima perubahan, sama ada secara evolusi atau revolusi tetapi yang menjadi minat penyelidik ialah

evolusi bahasa.

Generasi pertama suku kaum Dusun yang menetap di kampung Lohan, Ranau, Sabah menggunakan satu bahasa. Bahasa Dusun sudah cukup untuk memenuhi keperluan komunikasi harian dengan masyarakat sekampung. Hubungan sesama mereka sangat rapat dan mereka mengenali semua ahli masyarakatnya. Mereka ialah pesawah. Hasil padi adalah untuk kegunaan sendiri. Selebihnya dijual kepada orang tengah yang mengangkut hasil padi itu ke pekan Ranau untuk dijual secara pukal. Jual beli antara penduduk kampung dengan orang tengah juga menggunakan bahasa Dusun. Pada waktu ini, kedudukan bahasa Dusun sebagai bahasa ibunda dan bahasa pertuturan harian cukup utuh.

Generasi kedua kumpulan 1 masih menggunakan bahasa Dusun sebagai bahasa pertuturan harian. Mereka buta huruf. Pada zaman mereka inilah bahasa Melayu mula diperkenalkan dalam masyarakat setempat. Mereka faham dan boleh bertutur sedikit bahasa Melayu hasil interaksi dengan orang luar sewaktu aktiviti jual beli dan upacara keramaian. Pada waktu itu, sesiapa yang pandai bercakap dalam bahasa Melayu dianggap orang yang hebat.

Generasi kedua kumpulan 2 masih menggunakan bahasa Dusun sebagai bahasa pertama. Mereka dikira beruntung kerana berpeluang mendapat pendidikan formal. Mereka mempelajari bahasa Melayu secara formal di sekolah dan menggalakkan anak-anak bertutur bahasa Melayu supaya senang memahami pelajaran di sekolah.

Generasi ketiga kumpulan 1 mendapat pendidikan formal di sekolah. Mereka bertutur dua bahasa, iaitu bahasa ibunda dan bahasa Melayu tetapi masih menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama di rumah, termasuk untuk berkomunikasi dengan isteri dan anak-anak. Kesedaran tentang pentingnya pendidikan untuk masa depan yang lebih terjamin menyebabkan mereka menggalakkan anak-anak menggunakan bahasa Melayu.

Generasi ketiga kumpulan 2 mendapat pendidikan formal. Perubahan bahasa ketara berlaku pada masa ini. Mereka menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan pasangan, anak, dan cucu. Bahasa Melayu mereka ialah campuran bahasa Melayu – bahasa Dusun.

Generasi keempat cenderung menggunakan bahasa Melayu. Walaupun mereka memahami bahasa ibundanya, mereka sengaja tidak menggunakan bahasa itu kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai kesungguhan untuk mengajarkannya. Ibu bapa tidak menekankan peri pentingnya mendaulatkan

bahasa sendiri.

## **Sebab-musabab Penutur Bahasa Dusun Menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama**

### **Dapatan Kajian tentang Generasi Kedua Kumpulan 1**

Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini ialah mereka yang masih menggunakan bahasa ibunda sepenuhnya untuk berkomunikasi di rumah dan di luar rumah. Mereka tidak berpeluang mendapat pendidikan formal, dan berumur 70 tahun ke atas. Mereka faham dan boleh bertutur sedikit bahasa Melayu. Kumpulan ini ditemu bual dengan menggunakan soal selidik yang berlainan daripada kumpulan lain. Penyelidik terpaksa menggunakan bahasa Dusun untuk memperoleh maklum balas yang tepat. Hal ini kerana kebanyakan responden tidak lancar bertutur bahasa Melayu.

Generasi kedua kumpulan 1 ini mendapat pendedahan bahasa Melayu pada peringkat usia yang lewat. Interaksi yang membolehkan mereka menggunakan bahasa Melayu terhad kepada situasi jual beli dan upacara keramaian. Sebagai contoh, jual beli di *Tamu* (pasar lambak) atau pada hari perayaan *Tadau Kaamatan* (Pesta Menuai). Interaksi sedemikian rupa lazimnya melibatkan orang kedua atau orang luar yang bertutur bahasa Melayu.

### **Pergaulan**

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar responden, iaitu 80 peratus mempelajari bahasa Melayu melalui pergaulan. Pergaulan memainkan peranan yang penting dalam perluasan penggunaan bahasa Melayu di kampung Lohan. Sejak kampung ini dibuka, ramai penduduk dari daerah lain datang ke kampung ini untuk memulakan hidup baru. Pendatang dari Semenanjung Malaysia kebanyakannya guru, pegawai, dan pekerja lombong tembaga. Pendatang dari Sarawak ialah pekerja balak. Ada juga penduduk dari daerah-daerah lain yang menetap di kampung Lohan kerana berkahwin dengan penduduk tempatan. Pada sekitar tahun 1960-an, masih kurang penduduk kampung yang boleh bertutur bahasa Melayu. Radio merupakan satu-satunya alat sebaran am yang hampir dengan penduduk kampung. Itu pun bukan semua penduduk mampu membeli radio. Pada ketika itu, kampung ini masih di bawah pentadbiran British.

Sejak lama dahulu, terdapat penduduk kampung yang menjual tembakau di Kota Kinabalu dengan berjalan kaki kerana ketiadaan jalan raya. Kereta



hanya terdapat di Kota Kinabalu. Semasa menjual tembakau, mereka berurus niaga dengan orang-orang Cina, kaum Brunei, Bajau, dan Iranun. Untuk memudahkan komunikasi, mereka terpaksa mempelajari bahasa Melayu. Ramai responden yang mempelajari bahasa Melayu melalui cara ini. Selain itu, ada responden yang akhirnya boleh bertutur sepatah dua bahasa Melayu setelah diajar oleh anak-anak. Responden yang kurang bergaul dengan masyarakat luar biasanya mengamalkan pertanian sara diri. Mereka mempelajari bahasa Melayu dengan mendengar perbualan cucu-cucu mereka. Mereka tahu sedikit bahasa Melayu setelah menjangkau usia 40 tahun ke atas.

### **Dapatan Kajian tentang Generasi Kedua Kumpulan 2**

Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini berumur antara 60 hingga 69 tahun, menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama tetapi boleh bertutur bahasa Melayu. Mereka pernah melalui alam persekolahan. Faktor inilah yang membezakan generasi kedua kumpulan 2 daripada generasi kedua kumpulan 1.

### **Pendidikan**

Kumpulan ini mendapat pendidikan sekurang-kurangnya darjah enam (80 peratus), sementara 20 peratus yang lain mendapat pendidikan sehingga *form five*. Mereka mempelajari bahasa Melayu secara formal di sekolah sehingga darjah enam. Selepas darjah enam, mereka belajar bahasa Inggeris mulai *Bridge Class* sebelum dinaikkan ke *Form One*. Walau bagaimanapun, mereka kurang berminat dengan bahasa Inggeris. Salah seorang responden memberitahu, semasa bersekolah, sangat susah baginya memahami pelajaran yang diajar oleh guru. Oleh hal yang demikian, setelah mempunyai anak, responden menggalakkan anaknya bertutur bahasa Melayu supaya senang memahami pelajaran di sekolah. Kumpulan ini terdiri daripada pesara guru, bekas pegawai kerajaan, guru agama, dan peniaga. Semasa bekerja dahulu, mereka banyak bergaul dengan orang luar yang bukan daripada kaum Dusun. Oleh itu, peluang untuk menggunakan bahasa Melayu bagi generasi kedua kumpulan 2 lebih terbuka luas berbanding dengan kumpulan 1.

### **Dapatan Kajian tentang Generasi Ketiga Kumpulan 1**

Mereka yang tergolong dalam kumpulan ini berumur antara 30 hingga 59 tahun. Latar belakang bahasanya sama dengan generasi kedua kumpulan 2,

iaitu mendapat pendidikan formal di sekolah. Mereka ialah penutur dwibahasa tetapi masih menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pertama di rumah termasuk untuk berkomunikasi dengan isteri dan anak-anak.

### **Pergaulan**

Walaupun responden menggunakan bahasa ibunda untuk berkomunikasi dengan anak-anak, si anak menjawab dalam bahasa Melayu. Pergaulan dengan rakan sebaya dan saudara-mara yang menggunakan bahasa Melayu, menyebabkan si anak tertumpu kepada bahasa Melayu. Responden turut terbawa-bawa menggunakan bahasa Melayu. Pengaruh orang di sekeliling jelas mendorong penggunaan bahasa Melayu si anak.

### **Pendidikan**

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, 50 peratus daripada responden mempunyai pendidikan setakat darjah enam, 30 peratus tingkatan tiga, dan 20 peratus berkelulusan SPM atau MCE. Mereka terdiri daripada peniaga, pegawai kerajaan, dan guru. Semua responden dalam kumpulan ini dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Hal ini berbeza dengan generasi kedua kumpulan 1. Kesedaran tentang pentingnya pendidikan untuk masa depan yang cerah menyebabkan kumpulan ini menggalakkan anak mereka menggunakan bahasa Melayu.

### **Dapatan Kajian tentang Generasi Ketiga Kumpulan 2**

Generasi ketiga kumpulan 2 berumur antara 30 hingga 59 tahun, bertutur bahasa ibunda, mendapat pendidikan formal tetapi menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan anak dan cucu (jika ada). Hanya 20 peratus responden yang menggunakan bahasa ibunda dalam perbualan sehari-hari walaupun kumpulan ini masih fasih bertutur bahasa ibunda. Mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu dan campuran bahasa Melayu-bahasa ibunda.

Penyelidik telah dapat mengenal pasti beberapa punca bahasa ibunda menjadi bahasa kedua daripada generasi ketiga kumpulan 2.

### **Pekerjaan**

Generasi ketiga kumpulan 2 terdiri daripada peniaga dan pegawai kerajaan. Sifat semula jadi pekerjaan yang diceburi memaksa mereka lebih banyak

menggunakan bahasa Melayu dan campuran bahasa Melayu-bahasa ibunda. Sewaktu bertugas, mereka berinteraksi dengan pelbagai bangsa, golongan, dan umur. Dalam hal ini, penggunaan bahasa Melayu adalah penting. Dalam urusan rasmi, mereka banyak menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

### **Komunikasi dengan Pasangan**

Bahasa Melayu lebih banyak digunakan oleh generasi ketiga kumpulan 2 sewaktu berkomunikasi dengan pasangan (isteri atau suami). Di sini jelas menunjukkan bahawa sudah ada pengurangan penggunaan bahasa ibunda. Pasangan suami isteri lebih selesa menggunakan bahasa Melayu walaupun fasih dalam bahasa ibunda kerana mereka menggunakan bahasa Melayu sejak kecil. Mereka kekal menggunakan bahasa Melayu sehingga kini. Kalau 80 peratus generasi ketiga kumpulan 1 berkomunikasi dengan pasangan menggunakan bahasa ibunda, dalam generasi ketiga kumpulan 2 jumlah itu hanya 20 peratus.

### **Komunikasi dengan Anak**

Generasi ketiga kumpulan 2 menggunakan bahasa Melayu dialek Sabah sewaktu berkomunikasi dengan anak-anak. Dalam bahasa tersebut, disisipkan sedikit kata-kata daripada bahasa ibunda. Anak-anak faham bahasa ibundanya tetapi tidak fasih bertutur menggunakan bahasa tersebut. Mereka menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan anak-anak kerana selain memudahkan anak-anak menerima pelajaran di sekolah, sudah menjadi satu kebiasaan. Cara ini menyumbang kepada sebab bahasa ibunda menjadi bahasa kedua di kampung Lohan. Ada antara mereka yang terikut-ikut dengan kecenderungan masyarakat sekitar, khususnya yang berpendidikan untuk menggunakan bahasa Melayu.

### **Komunikasi dengan Cucu**

Dalam penyelidikan ini, hanya 10 peratus responden yang mempunyai cucu. Mereka semua menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan cucu. Ayah dan ibu cucu mereka juga menggunakan bahasa Melayu sewaktu berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Ibu bapa cucu mereka sendiri sudah tidak fasih bertutur bahasa ibunda.

## **Dapatan Kajian tentang Generasi Keempat**

Generasi keempat berumur 29 tahun ke bawah. Kumpulan ini mendapat pendidikan formal dan menggunakan bahasa Melayu dalam semua situasi. Mereka memahami bahasa ibunda tetapi tidak fasih berbahasa ibunda. Ada juga antaranya yang sudah tidak tahu bertutur bahasa ibunda.

## **Komunikasi dalam Keluarga**

Sebanyak 80 peratus daripada generasi keempat ini bertutur dalam bahasa Melayu, 10 peratus bertutur sama lancar dua bahasa, iaitu Melayu dan ibunda. Selebihnya, 10 peratus lebih fasih bertutur bahasa ibunda. Lapan puluh peratus responden yang bertutur dalam bahasa Melayu ini berasal daripada keluarga yang menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian sejak kecil. Mereka lebih fasih bercakap bahasa Melayu berbanding dengan bahasa ibunda.

## **Pergaulan**

Generasi keempat menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan harian. Generasi tua dengan sendirinya menggunakan bahasa Melayu apabila bercakap dengan golongan remaja ini. Rakan-rakan generasi keempat juga menggunakan bahasa Melayu apabila bercakap dengan mereka.

## **Pendidikan**

Sebanyak 60 peratus responden generasi keempat mempunyai tahap pendidikan tingkatan lima (SPM), 30 peratus STPM, dan 10 peratus mendapat ijazah sarjana muda. Mereka terdiri daripada pelajar, guru, dan ahli perniagaan. Mereka menggunakan bahasa Melayu sejak kecil dan alam persekolahan mengukuhkan pendedahan bahasa Melayu mereka. Semua tugas yang dilakukan di sekolah menggunakan bahasa Melayu.

## **Komunikasi dengan Anak**

Daripada 10 orang responden, tiga sudah berumah tangga. Mereka ini menggunakan bahasa Melayu, di samping bahasa campuran (bahasa Melayu-bahasa ibunda) sewaktu bercakap dengan anak-anak. Selain memudahkan anak mereka menerima pelajaran di sekolah, mereka memberikan alasan bahawa sudah menjadi kebiasaan bagi masyarakat di kampung itu bercakap

dalam bahasa Melayu dengan anak mereka. Hal ini menyebabkan anak mereka tidak fasih bahasa ibunda walaupun mereka memahami bahasa itu.

### **Tiada Kesungguhan Mempelajari Bahasa Ibunda**

Generasi keempat cenderung menggunakan bahasa Melayu. Walaupun mereka memahami bahasa ibunda, mereka sengaja tidak menggunakan bahasa itu kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai kesungguhan untuk mengajarkannya. Ibu bapa tidak menekankan peri pentingnya mendaulatkan bahasa sendiri.

### **Tanggapan**

Sebanyak 70 peratus responden berpendapat bahawa bahasa Melayu lebih penting dipelajari kerana bahasa Melayu penting untuk pendidikan. Kebanyakan firma, jabatan kerajaan, dan institusi pengajian tinggi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sekiranya bahasa Melayu tidak dipelajari, maka akan timbul masalah dalam komunikasi.

### **Cadangan**

Cadangan yang dikemukakan oleh penyelidik bertujuan untuk melestarikan bahasa Dusun sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa satu per tiga daripada penduduk di negeri Sabah. Kejayaan cadangan memerlukan kerjasama banyak pihak di Sabah dan agensi yang berkaitan. Cadangan penyelidik adalah seperti yang berikut:

1. Kementerian Seni dan Warisan berusaha dengan bersungguh-sungguh mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Dusun tentang kepupusan bahasa ibunda dengan mengadakan program bulan bahasa.
2. Radio Malaysia Sabah menambahkan masa siaran untuk program bahasa Dusun kerana radio merupakan alat sebaran am yang masih berpengaruh di Sabah.
3. Badan-badan penerbitan menerbitkan bahan-bahan bacaan ringan seperti buku komik dan kartun dalam bahasa Dusun.
4. *Internet explorer* atau agensi tempatan mengadakan ruangan borak-borak dalam bahasa Dusun dalam laman web untuk apa-apa sahaja topik perbualan.
5. Stesen televisyen yang popular seperti TV3, NTV7, dan ASTRO mengambil inisiatif menyiarkan drama televisyen yang menggunakan

bahasa Dusun dengan sari kata bahasa Melayu.

6. Kementerian Belia dan Sukan berusaha memupuk penggunaan bahasa Dusun dalam kalangan masyarakat tempatan dengan menganjurkan pertandingan menyanyi, berlakon, menulis cerpen, berpidato, dan tekata.
7. Dewan Bahasa dan Pustaka negeri Sabah mengambil inisiatif untuk membukukan cerita rakyat dan sastera lisan masyarakat Dusun mengikut bahasa asalnya disertakan dengan terjemahan dalam bahasa Melayu.

## **KESIMPULAN**

Secara realiti, ada gagasan teori perubahan bahasa yang dipersetujui dan ditolak oleh responden kajian. Gagasan yang diterima oleh kebanyakan responden ialah penggunaan bahasa berubah mengikut gaya hidup sesuatu masyarakat (teori fesyen dan ketidaktentuan rawak), perubahan bahasa berlaku secara beransur-ansur dan tanpa disedari (teori penyimpangan rawak), dan semua gagasan yang terkandung dalam teori stratum bawah. Paparan data juga menunjukkan bahawa bahasa berubah mengikut keperluan sosial dalam sesuatu masyarakat pengguna bahasa yang berubah mengikut peredaran zaman. Seajar dengan keperluan sosial dalam masyarakat kaum Dusun yang berubah, bilangan penutur bahasa Dusun yang ekabahasa semakin mengecil. Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan penurunan penggunaan bahasa Dusun dapat disekat, apatah lagi untuk meningkatkan bilangan penutur dalam kalangan generasi muda, meskipun usaha ke arah itu sudah dijalankan oleh beberapa pihak.

## Lampiran A

### SOAL SELIDIK TENTANG GAGASAN TEORI PERUBAHAN BAHASA DAN TEKANAN BAHASA

#### Bahagian A

Generasi muda kaum Dusun lebih kerap menggunakan bahasa Melayu daripada bahasa Dusun. Pada pendapat anda, mengapakah perubahan penggunaan bahasa daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu berlaku dalam kalangan generasi muda kaum Dusun?

#### Arahan:

Tandakan / di ruangan yang anda fikir betul. Anda boleh menanda lebih daripada satu jawapan.

1. Perubahan bahasa berlaku tanpa dirancang. \_\_\_\_\_
2. Perubahan bahasa disamakan dengan perubahan fesyen pakaian. \_\_\_\_\_
3. Perubahan bahasa tetap berlaku walaupun generasi muda kaum Dusun tidak bergaul dengan penutur jati bahasa Melayu. \_\_\_\_\_
4. Perubahan bahasa berlaku kerana budaya generasi muda kaum Dusun yang cenderung mengubah gaya hidup. \_\_\_\_\_
5. Perubahan bahasa dalam kalangan generasi muda kaum Dusun terjadi tanpa disedari. \_\_\_\_\_
6. Percakapan generasi muda kaum Dusun berubah secara beransur-ansur selepas beberapa tahun berada dalam lingkungan persekitaran yang sama. \_\_\_\_\_

#### Bahagian B

Pertuturan bahasa Dusun atau bahasa Melayu ibu bapa kaum Dusun yang berpendidikan formal agak berlainan daripada bahasa Dusun asli atau bahasa Melayu baku. Pada pendapat anda, apakah faktor penyebabnya?

#### Arahan:

Tandakan / di ruangan yang anda fikir betul. Anda boleh menanda lebih daripada satu jawapan.

1. Kelainan pertuturan adalah disebabkan oleh serapan unsur bahasa Melayu. \_\_\_\_\_
2. Ibu bapa menerima dan menggunakan bahasa Melayu. \_\_\_\_\_
3. Unsur bahasa Melayu masuk ke dalam bahasa Dusun kerana masyarakat Dusun terdedah kepada bahasa Melayu. \_\_\_\_\_
4. Semakin lama masyarakat Dusun terdedah kepada bahasa Melayu, semakin banyaklah unsur bahasa Melayu yang diserap ke dalam bahasa Dusun. \_\_\_\_\_
5. Bahasa Melayu yang digunakan oleh ibu bapa kaum Dusun bukan bahasa Melayu baku. Oleh itu, ibu bapa kaum Dusun menurunkan bahasa Melayu yang tidak sempurna kepada anaknya. \_\_\_\_\_
6. Bahasa Melayu diubahsuai mengikut keperluan masyarakat kaum Dusun. \_\_\_\_\_

### **Bahagian C**

Pada pendapat anda, mengapakah bahasa Melayu yang digunakan oleh kaum Dusun tidak sama dengan bahasa Melayu baku?

#### **Arahan:**

Tandakan / di ruangan yang anda fikir betul. Anda boleh menanda lebih daripada satu jawapan.

1. Kebanyakan penutur bahasa Dusun tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap tentang bahasa Melayu. \_\_\_\_\_
2. Kebanyakan penutur bahasa Dusun mengambil hanya sebahagian kecil perkataan bahasa Melayu yang difikir berguna untuk perbualan harian. \_\_\_\_\_
3. Sewaktu masyarakat Dusun menggunakan bahasa Melayu, mereka dengan tidak sengaja memasukkan bunyi bahasa Dusun ke dalam bahasa Melayu, tetapi perkataan bahasa Melayu dikekalkan. \_\_\_\_\_
4. Sewaktu masyarakat Dusun menggunakan sebahagian kecil perkataan bahasa Melayu, mereka mengubahsuai perkataan itu mengikut keperluan. \_\_\_\_\_
5. Pertuturan bahasa Melayu kaum Dusun dipengaruhi loghat bahasa Dusun. \_\_\_\_\_
6. Masyarakat Dusun meminjam banyak perkataan bahasa Melayu, tetapi tidak menjejaskan bahasa Dusun. \_\_\_\_\_



## **Bahagian D**

Pada pendapat anda, mengapakah perubahan bahasa berlaku dalam masyarakat Dusun?

### **Arahan:**

Tandakan / di ruangan yang anda fikir betul. Anda boleh menanda lebih daripada satu jawapan.

1. Bahasa berubah seiring dengan keperluan pengguna bahasa yang berubah mengikut arus masa. \_\_\_\_\_
2. Bahasa berubah kerana fungsi bahasa yang berubah. \_\_\_\_\_
3. Kata yang baru timbul mengikut keperluan pengguna bahasa. Kata yang baru menggantikan kata lama yang telah hilang kekuatannya. \_\_\_\_\_
4. Perubahan yang melanda bahasa Dusun berlaku berperingkat-peringkat. Setiap peringkat melibatkan pengubahsuaian yang kecil. \_\_\_\_\_
5. Keadaan bahasa Dusun boleh diibaratkan, “Badan masih kekal Dusun, tetapi semangat telah menjadi Melayu”. \_\_\_\_\_
6. Perubahan yang melanda bahasa Dusun sudah berlaku berabad-abad, sedikit demi sedikit pada satu masa, mengikut kesesuaian keadaan. \_\_\_\_\_

## **Bahagian E**

Pada pendapat anda, di manakah kedudukan bahasa Dusun pada masa ini?

### **Arahan:**

Tandakan / pada **satu** jawapan sahaja.

1. Kedudukan bahasa Dusun masih stabil. (Stabil bermaksud kewujudan bahasa Dusun tidak perlu dibimbangkan kerana bilangan penuturnya besar). \_\_\_\_\_
2. Kedudukan bahasa Dusun di pinggiran.  
(Di pinggiran bermaksud bahasa Dusun masih hidup segar dan mempunyai jumlah penutur yang ramai, tetapi bilangan penuturnya terus menurun). \_\_\_\_\_
3. Kedudukan bahasa Dusun mulai pudar.  
(Mulai pudar bermaksud keadaan yang menyedihkan, penggunaan

bahasa Dusun mulai pudar, dan menghadapi zaman gelap secara perlahan-lahan). \_\_\_\_\_

## **Bahagian F**

Pada pendapat anda, apakah faktor yang boleh merangsang perubahan dalam bahasa ibunda?

### **Arahan:**

Tandakan / di ruangan yang anda fikir betul. Anda boleh menanda lebih daripada satu jawapan.

1. Bunyi bahasa ibunda yang berubah secara beransur-ansur daripada sebutan yang asal. \_\_\_\_\_
2. Sewaktu bercakap, penutur dengan tidak sengaja menyimpang daripada sebutan bahasa ibunda yang asal. \_\_\_\_\_
3. Bahasa lisan mudah difahami walaupun ada bunyi perkataan yang tidak disebut dengan betul. Oleh itu, penutur tidak perlu berhati-hati sewaktu bercakap dalam bahasa ibunda. \_\_\_\_\_
4. Demi gerak balas lisan yang perlu cepat, penutur cuai menggunakan bahasa ibunda yang tepat. \_\_\_\_\_
5. Lazimnya, bunyi bahasa ibunda berubah mengikut sebutan yang digunakan dalam masyarakat. \_\_\_\_\_

## **RUJUKAN**

- Ahmad Ongohan, 1977. *Salah Faham tentang Dusun*. Tuaran: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.
- Aitchison, Jean, 1998. *Language Change: Progress or Decay?* (2<sup>nd</sup> ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Asmah Haji Omar, 1983. *The Malay People of Malaysia and Their Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bali, K., 1966. *Memperkenalkan Sabah-Kadazan 1000 Tahun*. Kelantan: Pustaka Aman.
- Bickerton, D., 1973. *The Nature of a Creole Continuum*. *Language*, 49, 640–69.
- Clayre, B.M., 1965–1966. *A Comparison of Some Dialects of Dusun*. *The Sabah Society* 3: 3–12.
- Clayre, B.M., 1970. *Focus: A Preliminary Survey of Some Languages of Eastern Malaysia*. *The Sarawak Museum Journal* Vol. XVIII (36–37): 193–219.

- Dyen, Isidore, 1965. "Lexicostatistical Classification of Austronesian Languages". A Special Issue of *The International Journal of American Linguistics*.
- George, K.M., 1980. *Historical Development of Education in Commemorative History of Sabah*. Kuala Lumpur: Centenary Publications.
- Hockett, C., 1958. *A Course in Modern Linguistics*. New York: Macmillan.
- Iskandar Carey, 1970. *Some Notes on the Sea Nomads of Johore*. Federations Museum Journal, 65: 181–184.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 1989. *Laporan Perangkaan Tahunan*. Kota Kinabalu: JPM Sabah.
- Japiun Madisah, 1986. *Tatacara Adat Istiadat dan Kebudayaan Kadazan*. Kota Kinabalu: Sikuk Publication.
- Keraf, G., 1984. *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia.
- Lee Yong Leng, 1970. *Population and Settlement in Sarawak*. Asia Pacific Press: Singapore.
- Llamzon, Teodoro, A., 1978. *Handbook of Philippine Language Groups*. Quezon City: Ateneo de Manila University Press.
- Poerbatjaraka, 1951. *Riwayat Indonesia*. Djilid I. Djakarta: Jajasan Pembangunan.
- Postal, P.M., 1968. *Aspects of Phonological Theory*. New York: Harper & Row.
- Thomason, S. G., & Kaufman, T., 1988. *Language Contact, Creolization and Genetic Linguistics*. Berkeley, CA: University of California Press.
- Tregonning K.G., 1960. *North Borneo*. London: Her Majesty's Stationary's Office.
- Weber, G. *Beberapa Catatan tentang Kemerosotan dan Kejatuhan Bahasa*. dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(4), 296–310, April, 1991.
- Winstedt, R., 1953. *A History of Malaya*. Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Vol. XIII (1): 7.
- Woolley, G.C., 1962. *Adat-adat Kadazan/Dusun di Tambunan dan Ranau*. Jesselton: North Borneo Government Printing Office.